

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENGHARGAAN ‘MALAYSIA MOTORCYCLE ASSESSMENT PROGRAM (MYMAP) GRAND PRIX AWARDS 2024’

SERDANG, 22 MEI 2024 – Majlis Penghargaan ‘*Malaysia Motorcycle Assessment Program (MyMAP) Grand Prix Awards 2024*’ buat julung kalinya telah diadakan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan kerjasama Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii) dan Etiqa Malaysia bersempena *Malaysia Autoshow 2024* di MAEPS Serdang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Haji Hasbi bin Haji Habibollah dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah MIROS, Prof. Madya Ts. Dr. Siti Zaharah binti Ishak, serta Ketua Pegawai Eksekutif MARii, Tn. Azrul Reza bin Aziz.

Melalui majlis tersebut, YB Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Haji Hasbi bin Haji Habibollah telah menyampaikan anugerah pengiktirafan kepada semua pengeluar motosikal yang mengambil bahagian dalam *MyMAP* dan telah menunjukkan peningkatan dalam aspek keselamatan dan teknologi motosikal. Pengiktirafan turut diberikan kepada model motosikal yang mencapai prestasi cemerlang dalam kategori masing-masing. Penghargaan juga diberikan kepada pengeluar, media, dan individu yang telah menunjukkan teladan dalam usaha meningkatkan keselamatan motosikal.

Selaras dengan Visi Automotif Nasional dan Dasar Automotif Nasional (*NAP 2020*), MIROS dengan kerjasama MARii telah melaksanakan program penilaian motosikal *MyMAP*, di mana penarafan bintang akan diberikan kepada motosikal yang dikeluarkan di Malaysia. Program ini telah dilancarkan pada tahun 2021 dan sehingga kini, sejumlah 28 model motosikal daripada tujuh (7) jenama motosikal di Malaysia telah dinilai. Sebanyak 24 model yang dinilai telah mendapat penilaian lima (5) bintang, satu (1) model mendapat penilaian empat (4) bintang dan selebihnya memperoleh penilaian tiga (3) bintang (Rujuk Lampiran 1).

Sebanyak 19 anugerah telah dipertandingkan, terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu *Exceptional*, *Exemplary*, dan *Excellence Award*, termasuk dua (2) anugerah utama, iaitu *Exceptional Motorcycle Manufacturer 2021-2024* dan *Exceptional Motorcycle Model 2021-2024* (Rujuk Lampiran 2). Memetik ucapan YB Timbalan Menteri Pengangkutan, "MyMAP adalah program penarafan menyeluruh untuk motosikal yang pertama di dunia, bagi memperkenalkan motosikal yang lebih selamat di pasaran. Anugerah MyMAP bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta mempamerkan kemajuan yang dicapai oleh pengeluar motosikal dalam mempertingkatkan keselamatan motosikal."

Terdapat empat (4) kriteria atau komponen utama di bawah program MyMAP, iaitu pematuhan kepada peraturan *United Nations Economic Commission for Europe (UNECE)*, *Conformity of Production (COP)*, teknologi ciri keselamatan, dan juga program sokongan. Salah satu ciri yang ditekankan dalam teknologi ciri keselamatan adalah sistem brek. Program penarafan ini dijalankan secara sukarela dan pada peringkat permulaan, penyertaannya adalah terbuka kepada motosikal berkapasiti 250cc dan ke bawah sahaja. Berdasarkan permintaan, penyertaan untuk motosikal berkapasiti tinggi (> 250 cc) dan semua jenis enjin termasuk motosikal elektrik telah dibuka pada pertengahan 2023.

Majlis ini turut dihadiri oleh wakil-wakil pengeluar motosikal di Malaysia, persatuan motosikal, dan peminat permotoran. Melalui program pengiktirafan dan penghargaan MyMAP ini, adalah diharapkan agar lebih banyak inovasi baharu dalam model-model motosikal akan datang serta program sokongan yang lebih komprehensif untuk pembeli motosikal dapat diadakan. Selain itu, diharapkan pengeluar motosikal akan terus memberikan komitmen yang tinggi dalam menawarkan motosikal yang dilengkapi dengan pelbagai teknologi keselamatan kepada penunggang motosikal agar keselamatan mereka di jalan raya dapat dipertingkatkan.

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada penerima anugerah yang telah berjaya dalam kategori yang dipertandingkan.

TAMAT

Mengenai Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) adalah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk penjanaan dan penyebaran ilmu keselamatan jalan raya. Hasil kajian MIROS diguna pakai untuk membangunkan dasar dan strategi keselamatan jalan raya di peringkat kebangsaan.

Mengenai Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii)

Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii) bertindak untuk memacu perkembangan sistem-sistem pintar melalui aplikasi teknologi digital dengan fokus khusus kepada analisis data jalan raya dan kecerdasan buatan, termasuk ekosistem automotif dan mobiliti terhubung.

Pertanyaan media:

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my

Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii)

Lekshman A/L Subramaniam / lekshman@marii.my / 016 628 8785

Sarah Mamat / sarah@marii.my / 011 2690 0611

MODEL MOTOSIKAL YANG MENYERTAI MALAYSIA MOTORCYCLE ASSESSMENT PROGRAM (MyMAP)

MODEL	GAMBAR	PLAK PENARAFAN
 YAMAHA  2022 YAMAHA YZF-R15M <small>155 CC</small>		
 YAMAHA  2022 YAMAHA NVX ABS <small>155 CC</small>		
 AVETA  2023 AVETA VADV 150		
  2021 WMOTO XTREME 150i <small>150 CC</small>		

  2021 SYM VF3i 185 LE 185 CC		
  2021 WMOTO RT3 250 CC		
  2022 Z250 ABS 250CC		
  2022 YAMAHA XMAX 250 CC		
  2022 NINJA 250 ABS 250CC		

 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>VERSYS-X 250</p> <p>249 CC</p>		
 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>DOMINAR D250</p> <p>248 CC</p>		
 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>NINJA ZX-25RR</p> <p>250 CC</p>		
 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>NINJA ZX-25R SE</p> <p>250 CC</p>		
 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>ELEGAN EX 250</p> <p>249 CC</p>		

 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>Vulcan S</p> <p>649 CC</p>		
 <p>Kawasaki</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>Z900 SE</p> <p>948 CC</p>		
 <p>Kawasaki</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>Z900</p> <p>948 CC</p>		
 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>Z650</p> <p>649 CC</p>		
 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★</p> <p>2023</p> <p>VERSYS 650</p> <p>649 CC</p>		

 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★ 2023</p> <p>NINJA 650 649 CC</p>		
 <p>MODENAS</p> <p>★★★★★ 2023</p> <p>DOMINAR D400 373 CC</p>		
 <p>HONDA</p> <p>★★★★★ 2024</p> <p>ADV160 160 CC</p>		
 <p>HONDA</p> <p>★★★★★ 2024</p> <p>Vario 160 160 CC</p>		
 <p>HONDA</p> <p>★★★★★ 2024</p> <p>CBR150R 150 CC</p>		

 ★★★★★ 2024 RS-X 150 CC		
 ★★★★★ 2024 VARIO 125 125 CC		
 ★★★★★ 2024 BeAT 110 CC		
 ★★★★★ 2024 BLUESHARK R1		

No	Nama Anugerah	Penerima Anugerah	Keterangan
EXCEPTIONAL AWARD			
1	Exceptional Motorcycle Manufacturer 2021-2024	Modenas	Anugerah terbilang ini mengiktiraf pengilang motosikal yang secara sukarela menyertai penilaian MyMAP dan menunjukkan usaha yang tidak berbelah bagi untuk meningkatkan keselamatan motosikal pada model-model yang dihasilkan mereka sambil secara aktif mempromosikan program keselamatan kepada pelanggan dan orang ramai. Ia meraikan komitmen pengilang untuk memberikan keutamaan kepada keselamatan dan pendekatan proaktif dalam meningkatkan standard keselamatan dan memajukan inovasi dan teknologi baru dalam industri motosikal dari tahun 2021 hingga 2024.
2	Exceptional Motorcycle Model 2021-2024	Hong Leong Yamaha Motor YZF-R15M	Anugerah terbilang ini mengiktiraf model motosikal yang luar biasa dari tahun 2021 hingga 2024, yang telah mencapai penarafan tertinggi secara keseluruhan dengan kecemerlangan dalam teknologi keselamatan, menunjukkan komitmen model tersebut dalam mengintegrasikan ciri keselamatan yang canggih. Ia meraikan prestasi luar biasa model di semua aspek dalam penilaian MyMAP.
3	Exceptional Safety Performance (<200cc)	Boon Siew Honda Vario 160	Anugerah ini mengiktiraf pencapaian luar biasa dalam prestasi keselamatan untuk motosikal dengan kapasiti enjin >250cc. Ia diberikan kepada entiti yang tidak hanya mencapai markah tertinggi dalam penilaian MyMAP tetapi juga mengintegrasikan teknologi keselamatan yang canggih yang direka khas untuk motosikal dengan kapasiti enjin <200cc.

No	Nama Anugerah	Penerima Anugerah	Keterangan
4	Exceptional Safety Performance (200cc-250cc)	Modenas Versys X-250	Anugerah ini mengiktiraf pencapaian luar biasa dalam prestasi keselamatan untuk motosikal dengan kapasiti enjin 200-250cc. Ia diberikan kepada entiti yang tidak hanya mencapai markah tertinggi dalam penilaian MyMAP tetapi juga mengintegrasikan teknologi keselamatan yang canggih yang direka khas untuk motosikal dengan kapasiti enjin 200-250cc.
5	Exceptional Safety Performance (>250cc)	Kawasaki Z900 SE	Anugerah ini mengiktiraf pencapaian luar biasa dalam prestasi keselamatan untuk motosikal dengan kapasiti enjin >250cc. Ia diberikan kepada entiti yang tidak hanya mencapai markah tertinggi dalam penilaian MyMAP tetapi juga mengintegrasikan teknologi keselamatan yang canggih yang direka khas untuk motosikal dengan kapasiti enjin >250cc.
EXCELLENCE AWARD			
6	Excellence in Braking Performance	Kawasaki Z900	Anugerah ini mengiktiraf pencapaian cemerlang dalam teknologi prestasi membrek. Ia meraikan inovasi yang secara ketara meningkatkan keupayaan membrek motosikal, memastikan keselamatan yang lebih besar untuk pemandu dan pengguna jalan lain
7	ProICE Excellence Advanced Safety Technology	Aveta VADV 150	Anugerah ini meraikan inovasi dalam teknologi keselamatan motosikal, dengan tumpuan khusus kepada motosikal dengan kapasiti enjin <250 cc. Ia mengiktiraf kemajuan dalam sistem bantuan keselamatan yang menyediakan ciri keselamatan asas bersama-sama dengan fungsi tambahan.
8	ProICE Excellence Advanced Safety Technology	Modenas Versys 650	Anugerah ini meraikan inovasi dalam teknologi keselamatan motosikal, dengan tumpuan khusus kepada motosikal dengan kapasiti enjin >250

No	Nama Anugerah	Penerima Anugerah	Keterangan
			cc. Ia mengiktiraf kemajuan dalam sistem bantuan keselamatan yang menyediakan ciri keselamatan atas bersama-sama dengan fungsi tambahan
9	Excellence in Conformity of Production	Hong Leong Yamaha Motor	Anugerah ini meraikan kepatuhan yang luar biasa terhadap standard pengeluaran. Ia mengiktiraf pengilang yang secara konsisten memastikan produk mereka memenuhi atau melebihi keperluan undang-undang dan piawai industri.
10	Excellence in Conformity of Production	Boon Siew Honda	
11	Excellence Award: MyMAP Most 5-Star Model	Modenas	Anugerah ini mengiktiraf pencapaian yang luar biasa bagi pengeluar yang telah menerima paling banyak penarafan 5 bintang dalam program MyMAP. Ia menonjolkan komitmen mereka terhadap standard keselamatan yang cemerlang dan mengiktiraf usaha untuk menghasilkan kenderaan yang memberi keutamaan kepada keselamatan penunggang.
12	Excellence Award: MyMAP Most Participation	Modenas	Anugerah ini mengiktiraf pencapaian cemerlang pengeluar yang mempunyai tahap penyertaan tertinggi dalam program MyMAP. Keterlibatan mereka yang luar biasa menunjukkan komitmen yang kukuh untuk meningkatkan keselamatan motosikal dan memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan keseluruhan inisiatif MyMAP.
EXEMPLARY AWARD			
13	Exemplary Award: MyMAP Pioneer	SYM Malaysia	Anugerah ini diberikan kepada pengeluar perintis yang menyertai penilaian MyMAP. Penyertaan proaktif mereka melambangkan komitmen untuk memajukan standard keselamatan motosikal dan menyumbang kepada peningkatan amalan keselamatan jalan raya.

No	Nama Anugerah	Penerima Anugerah	Keterangan
14	Exemplary Award: Premier Electric Motorcycle	Blueshark R1	Anugerah ini mengiktiraf motosikal elektrik terkemuka yang sukarela untuk mengambil bahagian dalam penilaian MyMAP. Dengan menjadi yang pertama melangkah ke hadapan, ia menunjukkan komitmen untuk memajukan keselamatan motosikal melalui teknologi inovatif dan menetapkan piawaian untuk penilaian masa depan.
15	Exemplary Award: Riding Safety Advocacy Program	Hong Leong Yamaha Motor	Anugerah ini mengiktiraf pengeluar atas dedikasi berterusan mereka dalam menganjurkan program keselamatan jalan raya dengan orang ramai dan komuniti. Ia menghargai usaha berterusan mereka dalam mempromosikan penunggang yang selamat dan memupuk budaya kesedaran keselamatan.
16	Exemplary Award: Motorcycle Safety Research Contribution	Honda	Anugerah ini menghargai mereka yang telah membuat sumbangan secara aktif dalam penyelidikan keselamatan motosikal
17	Exemplary Award: MyMAP Media Impact	paultan.org	Anugerah ini mengiktiraf saluran media atas liputan cemerlang mereka mengenai MyMAP dan keselamatan jalan raya motosikal. Ia menghargai mereka yang telah menjadikan liputan MyMAP sangat mudah diakses, meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam tentang keselamatan motosikal.
18	Exemplary Award: Motorcycle Safety Advocate	careta.my	Anugerah ini menghargai media yang berdedikasi dalam melaporkan MyMAP dan meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan teknologi keselamatan motosikal serta menyebarkan pengetahuan berkenaan keselamatan jalan raya khususnya motosikal
19	Exemplary Award: Rider's Choice Motorcycle Safety Accessories	Givi Malaysia	Anugerah ini mengiktiraf usaha berterusan jenama yang mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan pelanggan melalui

No	Nama Anugerah	Penerima Anugerah	Keterangan
			produk berkualiti tinggi dan perkhidmatan yang cemerlang.